KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7.05.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPSM			

Gagal cubaan pindah 65 kayu bergergaji di hutan simpan

Bentong: Cubaan memindahkan 65 kayu bergergaji pelbagai saiz di Hutan Simpan Kemasul Tambahan Bentong di sini, gagal apabila kegiatan itu dikesan pihak berkuasa, Rabu lalu.

Serbuan dilakukan sepasukan 12 anggota Unit Penguatkuasa Barat (UPKB) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Bentong selepas menerima maklumat awam.

Dalam serbuan pada hari raya ketiga itu, pasukan berkenaan menemui beberapa longgok kayu bergergaji dipercayai untuk dijadikan tiang pagar kebun di kompartmen tiga hutan simpan terbabit.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, hasil pemeriksaan di kawasan berkenaan menemui tiga tunggul balak jenis meranti dipercayai ditebang oleh pihak tertentu.

Menurutnya, aktiviti terbabit dipercayai dilakukan tiga individu tempatan yang mahir menghasilkan kayu bergergaji untuk dijadikan tiang pagar kebun selain membina rumah.

"Kami menganggarkan nilai 65 tiang pagar ditemui antara RM3,000 hingga RM4,000 mengikut harga semasa dan jenis kayu.

"Saya tidak menolak kemungkinan aktiviti menghasilkan tiang pagar kebun oleh pihak tidak bertanggungjawab berikutan permintaan menggalakkan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, individu itu menceroboh hutan simpan berkenaan pada hari raya ketiga dengan menganggap anggota JPNP tidak bertugas.

Katanya, ramalan mereka silap kerana serbuan dilakukan tanpa mengira masa dan lokasi apabila menerima maklumat awam.

"Walaupun hari raya tugas tetap dijalankan dalam memastikan hasil hutan tidak mudah dipindahkan tanpa kebenaran dan siasatan dibuat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984," katanya.



TUNGGUL pokok jenis meranti yang ditebang secara haram di Hutan Simpan Kemasul Tambahan Bentong untuk dijadikan tiang pagar. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

RM4k
Nilai 65 tiang pagar ditemui mengikut harga semasa dan jenis kayu

HM 070522_4